



## "JANGAN LALAI BUANG KEEGOAN".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ <sup>1 195</sup></p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b> Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Marilah kita menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "<b>JANGAN LALAI BUANG KEEGOAN</b>". <b>Hadirin yang dimuliakan Allah SWT,</b></p>	6
<p>Hari ini genap seminggu semua masjid, surau kebenaran Jumaat dan surau di seluruh negeri Selangor dibuka semula. Alhamdulillah solat Jumaat dan solat fardhu lima waktu telah dibenarkan dengan ketetapan-ketetapan tertentu atau Prosedur Operasi Standard (S.O.P). Umat Islam juga telah berpeluang mengimarahkan kembali rumah-rumah Allah SWT dengan majlis ilmu.</p>	7
<p>Semoga kita tergolong dalam kalangan mereka yang disebutkan dalam ayat 18 surah al-Taubah yang bermaksud: <i>"Hanya sanya yang (layak) memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan orang-orang yang mendapat petunjuk".</i></p>	8

<sup>1</sup> Al-Baqarah : 195.



<p>Namun, dalam nikmat pengimarahannya tersebut, jangan sesekali kita lalai walau sesaat, kerana wabak COVID-19 belum lagi berakhir. Tambahan pula kita masih dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Ingatlah, kelalaian kita termasuk ego, sikap mengambil mudah dan memperlekeh ketetapan yang dibuat bakal mengundang mudharat.</p> <p><b>Hadirin Jumaat sekalian</b></p>	9
<p>Islam mengajar umatnya agar sentiasa berwaspada dan tidak lalai. Orang yang lalai dengan dunia sehingga tidak beramal soleh adalah orang yang rugi dan menyesal pada hari akhirat nanti.</p> <p>Lalai juga adalah punca dan sebab kerugian di dunia yang boleh mengancam keselamatan dan kehidupan manusia.</p>	10
<p>. Jika seorang pelajar lalai ketika menuntut ilmu, gagal padahnya. Jika seorang pemandu lalai ketika memandu, maut padahnya. Maka lalainya kita daripada mematuhi S.O.P. walaupun ketika mengimarahkan rumah Allah maka kesihatan dan nyawa kita akan terancam.</p>	11
<p>Dalam usaha memutuskan rantai COVID-19, setelah mengambil kira pandangan pakar dalam bidang perubatan, para ulama dan pihak ulil amri telah menetapkan hukum tertentu dan panduan S.O.P. buat seluruh umat Islam dalam melaksanakan ibadah solat berjemaah di masjid dan surau. Penjarakan sosial, memakai pelitup mulut dan hidung, menggunakan sejadah sendiri, tidak bersalaman dan sebagainya tidak lain adalah bertujuan untuk menjaga nyawa dan mengelakkan kemudharatan. Ini kerana pertimbangan الضَّرَرُ يُرَالُ iaitu mudharat itu mesti dihilangkan adalah sangat diambil berat.</p> <p><b>Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p>	12
<p>Malangnya, terdapat segelintir dalam kalangan kita yang mengambil ringan dan memandang sinis akan segala peraturan dan S.O.P. ini. Masih ada yang bersikap sambil lewa dan lalai. Tanpa sebarang dalil dan hujjah yang disandarkan, mereka mengatakan: Kami lebih takutkan Allah berbanding COVID-19!</p>	13
<p>Hakikatnya, merekalah yang tidak bertakwa kepada Allah SWT. Kerana orang yang benar-benar takut kepada Allah dengan takwa hakiki akan sentiasa mengikut petunjuk syarak. Allah SWT melarang kita menjerumuskan diri ke dalam bahaya kebinasaan.</p>	14



<p>Firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 195 sebagaimana ayat dalam muqaddimah khutbah bermaksud:</p> <p><i>"Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri ke dalam bahaya kebinasaan. Dan baikilah perbuatan kamu, kerana sesungguhnya Allah mengasihani orang-orang yang berusaha supaya baik amalannya".</i></p>	15
<p>Nabi SAW pula mengajar kita agar lari daripada wabak penyakit berjangkit. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa nabi SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><b>وَفِرٌّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفِرُّ مِنَ الْأَسَدِ</b></p> <p><i>"Dan lari lah daripada penyakit kusta (yang berjangkit) seperti mana kamu lari daripada singa"</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	16
<p>Di samping itu, nabi SAW juga tidak bersalaman dengan seorang lelaki ketika berbai'ah untuk mengelakkan penyakit dan mudharat menjangkitinya. Diriwayatkan daripada 'Amru bin al-Syarid daripada bapanya:</p> <p style="text-align: center;"><b>كَانَ فِي وَفْدٍ ثَقِيفٍ رَجُلٌ مَجْدُومٌ، فَأَرْسَلَ إِلَيْهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّا قَدْ بَايَعْنَاكَ فَارْجِعْ</b></p>	17
<p><i>"Adalah dalam delegasi Tha'if (yang akan berbai'ah) terdapat seorang lelaki yang ada penyakit kusta, lalu Rasulullah SAW mengutuskan seseorang bertemu dengannya lalu berkata: Sesungguhnya kami telah menerima bai'ah kamu. Kerana itu, kamu boleh beredar pulang".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	18
<p>Ini adalah panduan syarak daripada pedoman al-Quran dan al-Sunnah. Maka, orang yang mematuhi S.O.P. lah yang sebenarnya takutkan Allah SWT. Justeru, apabila seseorang sengaja lalai dengan tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pemerintah, ini bererti dia tidak takutkan Allah, bahkan sengaja telah mendedahkan diri dan orang lain kepada kemudharatan.</p> <p><b>Para tetamu Allah sekalian,</b></p>	19



<p>Dengan keimanan kita terhadap qadha dan qadar, ia langsung tidak menafikan usaha dan ikhtiar. Malah kita diperintahkan agar segera berubat apabila ditimpa dengan sesuatu penyakit. Dengan izin Allah yang maha berkehendak, Dia lah yang maha menyembuhkan.</p>	20
<p>Diriwayatkan daripada Abu Darda' Radhiallahu Anhu bahawa nabi SAW bersabda:</p> <p>إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالذَّوَاءَ، وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوَوْا وَلَا تَدَاوَوْا بِحَرَامٍ</p>	21
<p><i>"Sesungguhnya Allah yang menurunkan penyakit dan ubat. Dan Dia menjadikan setiap penyakit itu ada ubatnya, maka berubatlah dan jangan berubat dengan perkara yang haram".</i></p> <p><i>(Riwayat Abu Daud).</i></p>	22
<p>Oleh kerana wabak COVID-19 ini masih tiada ubat dan vaksin penawar yang boleh menghalang jangkitannya, maka segala peraturan dan S.O.P. lah vaksin dan ubatnya yang terbaik buat masa ini.</p>	23
<p>Kita sangat bersyukur kerana dengan izin Allah negara kita sangat bertuah jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Di saat kes positif di negara kita menurun, namun ia meningkat secara mendadak di negara lain bahkan sangat menggerunkan dengan jumlah kematian yang tinggi. Kesyukuran ini menuntut kita untuk terus berwaspada tidak lali, tidak sombong dan angkuh bagi mengelakkan tercetusnya gelombang baru yang dikaitkan dengan institusi agama seperti masjid dan surau.</p>	24
<p>Atas dasar inilah pihak ulil amri menetapkan S.O.P. tertentu dalam memberi kebenaran dan keizinan agar masjid-masjid, surau kebenaran Jumaat dan surau dibuka semula. Kapasiti masjid dan surau kebenaran Jumaat pastinya terhad untuk menampung jemaah yang ramai berikutan peraturan dan S.O.P. yang ditetapkan. Hanya yang mendaftar dan mendapat kad kehadiran dikira wajib menunaikan solat Jumaat. Selainnya adalah dikira terhalang dengan keuzuran dan tidak wajib menunaikan solat Jumaat. Mereka dibenarkan oleh syarak untuk menggantikan dengan solat Zohor. Bagi yang ingin melaksanakan solat Zohor di surau pula, maka hendaklah menunggu selepas 30 minit untuk memberi laluan khutbah Jumaat di masjid berdekatan selesai dahulu.</p>	25



<p><b>Hadirin Jumaat sekalian,</b></p> <p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpul mati. Bersatu dalam apa jua situasi, persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan berselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan duniawi, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah LailahaillAllah, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.</p>	26
<p>Begitu juga halnya, umat Islam perlu bersama dan bersatu menghadapi pandemik COVID-19 yang masih tidak menentu pada masa ini. Justeru, pegawai dan ahli jawatankuasa masjid yang diberi amanah melaksanakan penguatkuasaan S.O.P. di masjid dan surau masing-masing, amat memerlukan sokongan padu daripada ahli jemaah dan masyarakat seluruhnya dengan kesatuan sikap dan sifat memahami peranan masing-masing. Bersatu dalam memahami ketetapan, berdisiplin, sabar, tabah dan berikhtiar dalam kapasiti masing-masing bagi memutuskan sama sekali penularan COVID-19.</p>	27
<p>Mengakhiri khutbah kali ini, khatib ingin berpesan kepada hadirin sekalian agar mengambil pedoman-pedoman berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam wajib mengikut panduan syara' dan patuh kepada keputusan ulil amri dalam perkara kebaikan dan bukan maksiat.</li><li>2. Umat Islam mesti mengelakkan semua bentuk kebinasaan dan mudharat ke atas diri sendiri dan orang lain.</li><li>3. Umat Islam hendaklah terus berzikir dan berdoa kepada Allah SWT termasuk Qunut Nazilah agar wabak COVID-19 segera diangkat, dan jangan sekali-kali lalai.</li></ol>	28
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَأَذْكُرُ رَبِّي فِي نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ الْجَهْرِ مِنَ الْقَوْلِ بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ وَلَا تَكُنْ مِنَ الْغَافِلِينَ ٢٠</p>	29



<p><i>“Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu dalam hatimu, dengan merendahkan diri serta dengan perasaan takut (melanggar perintah-Nya), dan dengan tidak pula menyaringkan suara, pada waktu pagi dan petang dan janganlah engkau menjadi dari orang-orang yang lalai.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(al-A'araf : 205).</i></p>	30
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	31
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	32



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan sosial. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.
5	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
6	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
7	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
8	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.</p>	10
<p>اَللّٰهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيْفٌ اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ وَبِالْاِجَابَةِ جَدِيْرٌ.</p>	11
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ اَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ اَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِيْنَ اِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	12
<p>عِبَادَ اللهِ، اِنَّ اللهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِيتَايِ ذِي الْقُرْبٰى وَيَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴿١٠﴾</p>	13
<p>فَاذْكُرُوْا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوْهُ عَلٰى نِعْمِهِ ۚ يَزِدْكُمْ، وَاَسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلَيَذْكُرَنَّ اللهُ اَكْبَرُ وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.</p>	14